

96-158

Siri Perpaduan Negara  
••••••••••••••

# Wawasan 2020

Fatimah Azzahra  
Yusri Ab. Malik

Penerbit Setiamas  
Petaling Jaya  
1995

**PENERBIT SETIAMAS**  
No. 14, Jalan SS4/17,  
47301 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-7774678 Fax: 603-7762300

**AMARAN ATAS HAKCIPTA**

*Semua hakcipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran ataupun sebaliknya tanpa izin yang bertulis terlebih dahulu daripada pihak Penerbit.*

© Penerbit Setiamas  
Pertama kali diterbitkan 1995

APB735298

18 AUG 1995

NASKHAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

M  
303.49595  
FAT

Dicetak di Malaysia oleh  
Hin Press & Trading Sdn. Bhd., Selangor Darul Ehsan

## PRAKATA

Perpaduan kaum adalah perkara yang utama yang sedang diperjuangkan oleh para pemimpin kerana perpaduan negara sangat penting bagi negara Malaysia yang bermasyarakat majmuk. Perpaduan negara menjamin kestabilan politik dan ekonomi Malaysia.

Kekayaan negara tidak bermakna jika keadaan negara penuh dengan kacau-bilau akibat persengketaan kaum.

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap keadaan ini supaya dapat mengekalkan keadaan sekarang ini iaitu perpaduan yang erat oleh semua kaum. Setiap kaum hendaklah bekerjasama dalam mencapai usaha yang murni ini.


Buku-buku ini membincang beberapa aspek perpaduan yang boleh memberi fahaman dan dorongan kepada para pelajar di sekolah rendah dan sekolah menengah rendah.

Bersatu teguh, bercerai roboh.

Januari, 1995

Kuala Lumpur

Penulis



# **WAWASAN 2020 – KE ARAH PERPADUAN NEGARA**

## **Pengenalan**

Menjelang tahun 2020, Malaysia dijangka mampu menjadi sebuah negara yang bersatu-padu dengan masyarakat Malaysia mempunyai nilai moral dan etika yang utuh, penyayang, adil dan saksama, berkeyakinan serta mampu bersaing.

Ini berdasarkan keadaan hari ini hasil daripada usaha kerajaan dan rakyat memupuk perpaduan. Dalam hal ini kerjasama semua kaum terutamanya golongan pemimpin sangat penting seperti program 'Semarak ' (kerajaan bersama rakyat) yang dijalankan.

## Cabaran Strategik Negara

Dalam kertas kerja berjudul *Malaysia Melangkah ke Hadapan* (1991) yang telah dibentangkan pada sidang pertama Majlis Perdagangan Malaysia di Kuala Lumpur pada 28 Februari 1991, cabaran pertama adalah bagi membentuk sebuah negara yang bersatu-padu dan bermatlamat serupa dan dikongsi bersama. Malaysia seharusnya sebuah negara yang bersatu antara etnik serta wilayah, membentuk sebuah 'Bangsa Malaysia' dengan rasa taat serta berasaskan persamaan hak dan keadilan.

Cabaran kedua pula bagi melahirkan sebuah masyarakat Malaysia yang teguh jiwa, yakin pada keupayaan sendiri, bangga terhadap pencapaiannya dan teguh menghadapi rintangan. Masyarakat Malaysia ini mestilah mampu mempunyai sifat-sifat mengejar kecemerlangan, sedar akan potensi dan dihormati oleh semua bangsa lain.

Cabaran yang ketiga pula bagi memupuk serta membangunkan sebuah masyarakat demokratis yang matang. Malaysia yang unggul berdasarkan



*Menuju Wawasan 2020*



*Semua rakyat harus mengejar kecemerlangan*

musyawarah berupaya pula dicontohi oleh negara-negara membangun yang lainnya.

Cabaran yang keempat ialah untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang kukuh etika dan moralnya. Warga negaranya pula kukuh nilai keagamaan serta kerohanian disertai dengan budi pekerti yang luhur.

Cabaran kelima adalah bagi mencapai sebuah masyarakat matang dan saling hormat-menghormati sesama rakyat tanpa mengira keturunan. Mereka akan sama-sama mengamalkan adat resam, kebudayaan dan kepercayaan agama masing-masing.

Cabaran keenam pula adalah menjadikan Malaysia sebagai sebuah masyarakat budaya cipta, mampu memanfaatkan teknologi dan menyumbangkan kepada kemajuan peredaran sains teknologi masa akan datang.

Cabaran ketujuh adalah bagi mewujudkan sebuah masyarakat penyayang serta bertimbang rasa. Kebajikan rakyat tidak berdasarkan pada negara dan individu tetapi pada sistem kekeluargaan yang kukuh serta mantap.


## Pembangunan yang Seimbang

Sememangnya, negara Malaysia telah berusaha untuk mencapai kesembilan matlamat itu. Walaupun banyak matlamat itu menumpukan kepada pembangunan ekonomi, pembangunan keseluruhannya, tidak boleh diketepikan. Hal ini disebabkan pembangunan keseluruhan dari aspek politik, sosial dan ekonomi yang mampu menyatukan rakyat. Pembangunan yang seimbang dari setiap sudut itu mampu menggerakkan pelbagai kaum di Malaysia untuk hidup secara harmoni dan sejahtera.


Pembasmian kemiskinan mutlak perlu mengambil kira kaum dan kedudukan geografi sama ada penduduk itu tinggal di bandar ataupun luar bandar ataupun daripada apa keturunan sekalipun mesti dibantu secara adil. Keperluan asas mesti disediakan seperti tempat tinggal, kemudahan kesihatan, bekalan air dan elektrik dan lain-lain.

Pengenalan kaum berdasarkan fungsi ekonomi perlu diubah. Buktiya dalam sektor kerajaan patut ada campuran pelbagai kaum yang mewujudkan negara Malaysia. Setiap kaum mesti diserapkan secara

*Pembangunan fizikal hendaklah seimbang dengan pembangunan kerohanian*



*Pembahagian rezeki yang adil dituntut*



saksama dalam profesi dan semua kategori pekerjaan. Adanya keadilan akan menjamin suasana negara yang aman dan sejahtera.

Malaysia yang maju pada tahun 2020 tidak harus mempunyai masyarakat yang mengaitkan kekayaan ekonomi dengan kaum. Melalui peruntukan yang sah jurang pendapatan kaum dapat didekatkan. Menjelang tahun 2020 penting untuk kita dapat mewujudkan suasana peluang yang adil antara kaum.

Bagi mencapai matlamat keadilan ekonomi program perlu dijalankan secara bersungguh-sungguh bagi memastikan masyarakat Bumiputera mampu bersaing setaraf dengan bukan Bumiputera.

Bagi mewujudkan masyarakat makmur, banyak matlamat yang perlu ditetapkan. Antaranya meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) setiap tahun. Pertumbuhan pesat pada kadar purata kira-kira tujuh peratus setahun bagi tempoh 30 tahun akan datang.

Cabaran yang kelapan pula adalah bagi membentuk sebuah masyarakat yang mempunyai keadilan dari segi ekonominya. Dengan itu hasrat untuk


menjamin pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama tercapai. Oleh itu perlunya ada penghapusan pengenalan ekonomi bagi sesuatu kaum.

Cabaran kesembilan adalah bagi mencapai masyarakat yang makmur, dinamis, teguh dan mampu menghadapi persaingan.


## Konsep Negara Bangsa

Negara adalah suatu masyarakat yang menduduki kawasan tertentu dan diperintah oleh sebuah kerajaan. Bangsa pula merupakan kumpulan manusia di dalam satu ikatan ketatanegaraan. Perasaan setiakawan dan semangat cintakan bangsa bukanlah satu wawasan daripada ibu bapa atau keturunan. Perasaan ini merupakan satu fenomena sosial dan budaya masyarakat.

Nasionalisme Melayu tercetus bermula daripada penjajahan Barat. Campur tangan kuasa-kuasa Barat telah melahirkan negara-negara bangsa di rantau ini. Negara kita Malaysia turut menerima pengaruh daripada penjajahan Barat ini. Usaha nasionalisme



Bendera lambang negara



*Kesan penjajahan sepatutnya mengajar kita*

bangsa Melayu telah menyemarakkan semangat pemerintahan sendiri sehingga menghasilkan kemerdekaan pada tahun 1957.

Kejayaan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tidak cukup bagi menjamin masa depan yang gemilang tetapi kemajuan dalam bidang ekonomi dan pendidikan. Sikap perlu diubah bagi mewujudkan kestabilan politik dan ekonomi bagi menghadapi perkembangan dunia.

Setiap negara yang penduduknya berbilang kaum perlu mempunyai ideologi kebangsaan untuk menyatukan rakyatnya. Ideologi kebangsaan yang dapat membawa negara menuju Wawasan 2020 ialah ideologi 'nasionalisme Malaysia'. Ideologi kebangsaan ini dipercayai mampu membawa rakyat Malaysia kepada ikatan yang kukuh serta mengatasi masalah etnik di negara ini.

Terdapat perbezaan di antara kumpulan etnik terbesar di Malaysia. Ini jelas dalam bidang ekonomi dan pendidikan. Perbezaan-perbezaan lain seperti dalam agama, bahasa, budaya dan mengakibatkan ketidaksefahaman sering timbul.

Peristiwa berdarah 13 Mei 1969 semakin menye-marakkan jurang perbezaan antara etnik. Oleh itu visi mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu-padu, berdaulat dan didasarkan pada setiakawan yang tinggi perlu diperhebatkan.


## **Etika**


Etika adalah ciri terpenting bagi membina ketahanan bangsa. Etika yang tinggi mampu membawa hasil kerja-kerja yang cemerlang. Nilai etika merupakan kebudayaan dalam suatu masyarakat. Suatu perubahan budaya perlu dibuat bagi melahirkan nilai-nilai baru yang lebih sesuai untuk melahirkan masyarakat yang produktif.

## **Pembinaan Bangsa bagi Menghadapi Wawasan 2020**

Malaysia yang rakyatnya terdiri daripada berbilang kaum dan agama mampu membangun dengan baik. Faktor terpenting yang membawa Malaysia ke arah pembangunan adalah kerana adanya kestabilan politik

*Etika kerja sangat penting*





Parlimen lambang demokrasi

yang diperolehi melalui proses demokrasi.

Pilihan raya yang diadakan setiap lima tahun sekali menggambarkan kebebasan memilih dan bersuara. Kestabilan politik yang diperolehi bukanlah melalui paksaan atau kekuatan tentera.

Pemerintahan Malaysia kini berupaya menjadikan negara ini sebagai negara demokratik. Beberapa pilihan raya umum yang berlalu menjadi bukti bahawa pimpinan kerajaan mampu membawa rakyat menuju perpaduan.

Faktor lain yang mengukuhkan kestabilan politik serta pemerintahan Malaysia ialah kepimpinan negara. Persoalan masyarakat majmuk tidak timbul di Malaysia kerana keteguhan agama Islam yang menjadi tunjang ke arah perpaduan.

Bangsa Melayu serta agama Islam menjadi teras negara ini berdasarkan sejarah bahawa mereka merupakan penduduk asal. Ditambah lagi Islam dominan di Kepulauan Melayu ini.

Bermula daripada negara mencapai kemerdekaan pemerintahan masih dipegang oleh orang Islam

dengan kerjasama mereka yang bukan Islam. Hasil daripada kepimpinan kerajaan Barisan Nasional dapat melahirkan negara yang sejahtera antara kaum dan agama.

Berdasarkan musyawarah kerajaan Barisan Nasional pimpinan UMNO memberi peluang sama rata kepada parti gabungannya, iaitu MCA, MIC, Gerakan dan lain-lain untuk berjuang menegakkan perpaduan negara. Ini menggambarkan keharmonian rakyat.

Kebijaksanaan kepimpinan kerajaan kini membolehkan Malaysia bergerak maju di samping mengekalkan kestabilan politik.

## **Demokrasi Dalam Konteks Wawasan 2020**

Pencapaian Wawasan 2020 memerlukan beberapa perubahan yang besar kepada institusi-institusi yang sedia ada. Kepesatan pembangunan ekonomi, pendidikan, politik dan sosial pastinya memberi persepsi demokrasi yang berbeza. Ini pastinya meninggalkan kesan pada perpaduan negara. Antara



*Setiap rakyat mempunyai hak asasi*

*Pertubuhan-pertubuhan dibenarkan dalam sistem demokrasi*

**LEMBAGA KERJAHAN PERSATUAN  
PERSATUAN PUTERI ISLAM  
PERSATUAN PANDU PUTERI  
PERSATUAN ISLAM**



elemen-elemen pendemokrasian adalah:

Kebebasan Perkara 5 – 13, hak-hak asasi rakyat diiktiraf oleh Perlembagaan Persekutuan. Demokrasi yang seimbang di antara hak rakyat dan kewajipan oleh pemerintah berupaya mewujudkan masyarakat seimbang dan harmonis menjelang tahun 2020.

• Mengikut Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan, hak dan kebebasan bersuara paling penting dituntut dalam sistem demokrasi.


10 kebebasan bercakap, berhimpun menubuh persatuan.

1. Tertakluk kepada fasal (2) (3) dan (4).
  - a. Setiap warga negara adalah bebas bercakap serta mengeluarkan apa-apa juga buah fikiran.
  - b. Setiap warga negara berhak berhimpun secara aman dan tidak bersengketa.
  - c. Semua warga negara adalah berhak menubuhkan persatuan.

2. Parlimen boleh dengan undang-undang mengenakan:
  - a. Ke atas hak-hak yang diberi oleh perenggan (a) Fasal (1) apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau mustahak demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, perhubungan persahabatan dengan negeri-negeri lain, ketenteraman awam untuk melindungi keistimewaan-keistimewaan Parlimen atau mana-mana Dewan Negeri atau mengelakkan penghinaan terhadap mahkamah, fitnah atau perbuatan mengapi-api supaya dilakukan sesuatu kesalahan.
  - b. Ke atas hak yang diberi oleh perenggan (c) Fasal (1), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau mustahak demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagian ketenteraman awam atau akhlak.

Namun begitu terdapat sekatan-sekatan yang tertentu di dalam Fasal (4) Perkara 10. Sekatan-sekatan yang berupa larangan menyentuh isu-isu sensitif seperti hak dan keistimewaan orang Melayu

*Bendera negeri-negeri*



*Sistem demokrasi memberi kebebasan kepada rakyat*



serta raja-raja memberikan pengertian yang begitu bernilai. Ini dapat mengelakkan daripada berlakunya kontroversi yang sukar diselesaikan antara kaum. Sekatan-sekatan ini terhasil akibat daripada peristiwa berdarah 13 Mei 1969.

Sesungguhnya peristiwa itu mengajar kita bahawa demokrasi yang melulu akan menghancurkan kesejahteraan dan keharmonian kaum. Kebebasan bersuara dalam pengertian masyarakat majmuk perlu diasas pada ruang lingkup yang terhad.

c. *Kuasa Pemerintahan*

Peringkat kemajuan pastinya memberi kuasa yang lebih kepada rakyat terutama dari segi bidang ekonomi. Pihak kerajaan perlu bijak menggunakan kuasa perancangannya atau kawalan bergantung kepada setakat mana rakyat Malaysia mampu menggunakan kuasa ekonomi ke arah kerajaan demokrasi Malaysia menjelang tahun 2020.

Demokrasi pula dapat menyeimbangkan peranan antara badan perundangan atau kabinet serta


kehendak rakyat. Kebijaksanaan mengetahui serta mengasingkan tugas ini mampu mencorakkan masa hadapan yang gemilang bagi Malaysia.

d. *Integrasi Nasional*

Kerajaan Persekutuan dan kerajaan Negeri perlu bersatu hati dalam membentuk perpaduan rakyat Malaysia. Kerajaan pusat tidak boleh terlalu berkuasa sehingga menjelaskan kemampuan kerajaan negeri. Wawasan 2020 akan tergugat dan goyah perancangannya jika integrasi nasional dalam bentuk bangsa Malaysia sebenarnya tidak dibentuk.

Namun begitu segala perancangan ekonomi dan sumber manusia ke arah pencapaian Wawasan 2020 perlu mengambil kira kepentingan orang Melayu. Wawasan 2020 perlu mengekalkan survival politik orang Melayu.

Ini kerana tanpa kuasa politik orang Melayu akan ketinggalan. Ini jelas berlaku pada zaman sebelum negara mencapai kemerdekaan. Akibatnya berlaku jurang ekonomi yang luas antara yang berada dengan



*Menuju era perindustrian*

yang tidak berada sehingga ketidakadilan berakhir dengan peristiwa 13 Mei 1969.

Penyertaan orang Melayu dalam meraih kekayaan dalam pembangunan negara perlu dipercepatkan. Ini sejajar dengan kuasa politik yang sedia ada. Sejarah membuktikan sikap toleransi bangsa Melayu sehingga mampu memberikan tempat kepada orang bukan Melayu menjadi warga negara malahan sehingga menyertai pemerintahan.

Oleh itu kuasa politik orang Melayu tidak harus dipandang negatif oleh bukan Melayu. Di sinilah letaknya semangat setiakawan dan tolak ansur khusus orang Melayu.

## Perubahan Nilai

Usaha kerajaan untuk melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian memerlukan perubahan sikap Bumiputera. Bermula dengan Rancangan Jangka Panjang Kedua (1991-2000), penanaman nilai perdagangan Bumiputera penting dalam usaha penyusunan semula masyarakat. Oleh

itu pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi perlu dihapuskan bagi mengelakkan konflik perkauman.

Pembangunan sumber manusia perlu kepada proses inovasi yang pantas. Nilai-nilai positif dan bermoral yang dikongsi bersama antara kaum akan membantu pemupukan negara bangsa yang harmoni.

Nilai positif seperti etika kerja yang produktif, kejujuran, daya saing, kecemerlangan, penyayang serta lain-lain mampu melahirkan masyarakat yang berbudaya tinggi. Ini pastinya akan melahirkan masyarakat Malaysia yang bercita-cita tinggi.

## Semangat Kejiranan

Semangat kejiranan merupakan semangat yang begitu penting bagi menjamin perpaduan negara. Semangat kejiranan merupakan semangat saling hormat-menghormati serta bekerjasama sesama jiran.

Sebagai langkah mencapai perpaduan, Jabatan Perpaduan Negara telah ditubuhkan bagi bersama-sama menggembeleng tenaga untuk mengadakan aktiviti-aktiviti dan program perpaduan. Jabatan

Perpaduan Negara ini telah melakukan beberapa usaha dan salah satu daripadanya yang dianggap berkesan ialah Program Promosi Perpaduan. Melalui program ini semangat perpaduan di kalangan masyarakat majmuk negara telah ditingkatkan.

Program ini dipenuhi dengan pelbagai aktiviti perjalinan semangat kejiranan di antara sesama jiran yang tinggal berdekatan. Aktiviti perpaduan di kalangan masyarakat majmuk di Malaysia semestinya mendapat sokongan daripada semua pihak. Semangat kejiranan berkemungkinan usaha mulia yang utama bagi mencapai Wawasan 2020. Tanpa perpaduan sukar untuk negara kita maju dan makmur.

Kita amat berharap agar menjelang 2020 negara Malaysia tidak sahaja menjadi sebuah negara industri yang serba maju, malah yang lebih penting ialah melihat negara ini maju serta bersatu-padu. Maka di sini apa yang penting ialah penyatuan di antara kaum.

Kemajuan dari segi ekonomi dan perpaduan perlu seiring agar tiada berlaku pergolakan sebagaimana tercetusnya peristiwa berdarah 13 Mei 1969. Apa yang

berlaku pada waktu itu ialah tiadanya kerjasama serta hubungan erat antara kaum.

Berlakunya ketidakseimbangan ekonomi semakin menjurangkan lagi hubungan itu. Maka terjadilah peristiwa-peristiwa perkauman yang tidak diingini. Apa yang mustahak ialah pertumbuhan ekonomi perlu disertai oleh pertumbuhan perpaduan.

Malaysia begitu mengimpikan agar masyarakat yang berbilang kaum di negara ini dapat hidup bersama-sama di dalam suasana harmoni menjelang Wawasan 2020. Suasana harmoni ini boleh diwujudkan oleh individu yang hidup di dalam masyarakat Malaysia ini. Apabila individu itu berinteraksi dengan orang sekeliling dan alam sekitar maka wujud satu hubungan.

Apabila interaksi itu lahir dan perasaan tanggung-jawab dan kasih sayang pastinya suasana bertambah mesra dan harmoni. Oleh itu kita sebagai individu yang tinggal di Malaysia harus ada inisiatif untuk sama-sama mewujudkan suasana harmoni.

Kesedaran perlu ada bagi setiap individu tidak kira usia dan kedudukan. Sebagai rakyat Malaysia,

perlunya ada usaha berganding bahu bagi mencapai negara yang bersatu. Dalam mencapai cita-cita ini pelbagai cabaran yang akan dihadapi. Antaranya masalah dadah, disiplin remaja, AIDS dan lain-lain. Masalah ini perlu dibanteras secepat mungkin. Sekiranya masalah ini tidak diatasi mungkin sukar negara Malaysia melaksanakan cita-cita dan wawasan ini.

## Kesimpulan

Bangsa Malaysia yang sejati akan muncul apabila rakyatnya dapat mengetepikan kepentingan kaum masing-masing. Nilai dan aspirasi setiap rakyat perlu selaras. Cabaran Wawasan 2020 bukan setakat aspek ekonomi bahkan meliputi penyatuan kaum keseluruhannya.